

'Bekerja sebagai satu pasukan'

Perdana Menteri minta Jemaah Menteri segera jalankan tugas untuk tunaikan harapan rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan mesyuarat Kabinet yang pertama selepas rombakan Kabinet, meminta Jemaah Menteri segera turun padang dan selesaikan masalah rakyat serta bekerja sebagai satu pasukan.

Perdana Menteri dalam amanatnya juga meminta semua anggota Kabinet, termasuk timbalan menteri baharu dilantik supaya segera jalankan tugas untuk merealisasikan aspirasi dan harapan rakyat dengan menyelesaikan masalah mereka.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, hasrat itu disampaikan Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri pertama di sini, semalam.

"Hasrat Perdana Menteri ialah Kabinet ini dilihat dengan adanya (ahli) teknokrat, ada beberapa Ahli Parlimen yang pernah berkhidmat dalam Jemaah Menteri, maka ada tanda positif penerimaan dalam kalangan rakyat, akar umbi, malah dalam kalangan sektor korporat.

"Yang jelas, Perdana Menteri memaklumkan hasrat rakyat untuk melihat perubahan itu ialah hasrat menggunung. Bermaksud ramai kalangan menteri yang ba-



Mesyuarat Kabinet yang pertama selepas rombakan Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

haru, mereka perlu bergerak dengan cepat, tiada tempoh bulan madu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mesyuarat berlangsung di Bangunan Perdana Putra, bermula jam 9.30 pagi, dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan semua menteri Kabinet, kecuali Datuk Seri Fadillah Yusof yang sedang menunaikan ibadah umrah.

Fahmi berkata, harapan 'menggunung' rakyat itu antara sebab Perdana Menteri membuat keputusan melantik semula beberapa muka lama yang berpengalaman dalam Kabinet.

"Mereka (muka lama) tahu dan fasih mengenai perjalanan Kementerian dan isu dihadapi rakyat. Perdana Menteri mahu kita selesaikannya dengan segera.

"Memang jelas dalam mesyuarat (Kabinet) hari ini (semalam),

rata-rata walaupun mereka (menteri) baharu, saya boleh kata mereka sudah bersedia untuk bekerja dan ini Kabinet yang berfungsi," katanya.

Beliau percaya dengan adanya saf kepimpinan baharu yang menganggotai Jemaah Menteri, usaha kerajaan menyegerakan dan menyelesaikan masalah rakyat akan menjadi keutamaan.

Difahamkan dalam mesyuarat itu, selain amanat, Perdana Menteri turut memberi taklimat berhubung perjalanan, peraturan dan hala tuju Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

Menerusi gambar dikongsikan Pejabat Perdana Menteri, semua menteri Kabinet dilihat beramah mesra dalam kalangan mereka, terutama bersama menteri yang baharu dilantik.

Hari ini juga, semua menteri serta timbalan menteri yang ba-

haru dilantik memulakan tugas rasmi di Kementerian masing-masing dengan menghadiri sesi 'Clock in' selain majlis majlis serah terima tugas.

Terus dasar diputuskan

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata Anwar juga mengingatkan Jemaah Menteri supaya bekerja sebagai satu pasukan dan meneruskan dasar sedia ada Kerajaan Perpaduan.

"Perdana Menteri mengingatkan kami supaya bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan segala agenda Kerajaan MADANI dijayakan dengan sebaiknya.

"Perdana Menteri juga mahu kami meneruskan segala dasar yang sudah diputuskan demi ke-langsungan rakyat dan negara," katanya.

Mohamed Khaled berkata, ke-

tika mesyuarat itu, Perdana Menteri turut mengingatkan ini adalah kerajaan yang sama dengan keutamaan adalah kesejahteraan rakyat.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan rombakan pertama Kabinetnya selepas setahun mengemudi Kerajaan Perpaduan yang menyaksikan pelantikan lima menteri dan lima timbalan menteri baharu.

Antara muka baharu dilantik menteri ialah Datuk Seri Amir Hamzah Azizan yang memegang portfolio Menteri Kewangan II.

Rombakan itu turut menampikan beberapa bekas menteri, iaitu Datuk Seri Johari Abdul Ghani di Kementerian Perlindungan dan Komoditi; Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang kembali menerajui Kementerian Kesihatan (KKM) dan Gobind Singh Deo sebagai Menteri Digital.